

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI (KUDAT)

TARIKH : 28 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 17

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk membina sistem pengangkutan jalan raya atau rel bagi menghubungkan negeri Sabah dan Kalimantan memandangkan Indonesia dalam proses untuk membina ibu kota pentadbirannya di Kalimantan Timur yang sudah tentu membuka peluang baru kepada kegiatan ekonomi negeri Sabah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan hanya akan menjawab soalan berkenaan cadangan pembinaan sistem pengangkutan berasaskan rel dari Negeri Sabah ke Kalimantan sahaja. Berkenaan cadangan pembangunan sistem pengangkutan jalan raya adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya.
2. Berdasarkan ***Senarai IIA – Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak*** di dalam ***Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan***, ianya telah menetapkan bahawa perkara-perkara berkaitan Keretapi Negeri Sabah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah. Maka sebarang perancangan berkaitan pembangunan rangkaian landasan keretapi termasuk menghubungkan Negeri Sabah dengan Kalimantan adalah dibawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sedar akan pengumuman oleh kerajaan Indonesia berkenaan perpindahan ibu kota mereka ke Kalimantan Timur serta cabaran dan peluang ekonomi yang akan timbul susulan itu pada masa yang akan datang. Dalam pada itu Kerajaan Persekutuan mengalu-alukan tindakan proaktif dari Kerajaan Negeri Sabah dalam membuat kajian dan rancangan jangka masa panjang berkenaan kebolehlaksanaan rangkaian rel dari Sabah ke Kalimantan Timur, Indonesia.
4. Walau bagaimanapun, sehingga kini pihak Kementerian Pengangkutan masih belum menerima sebarang cadangan dan permohonan daripada Kerajaan Negeri Sabah bagi pembangunan laluan yang menghubungkan Negeri Sabah ke Kalimantan.
5. Sebagaimana yang dimaklumi, pembangunan infrastruktur pengangkutan berasaskan rel akan melibatkan peruntukan kewangan yang besar. Justeru sebarang pembangunan baru

infrastruktur ini perlulah disokong dengan kajian yang menyeluruh agar pembangunan tersebut memberikan pulangan yang optimum dan tidak akan membebankan Kerajaan kelak.

6. Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin dengan pembangunan pengangkutan awam di Negeri Sabah dan bersikap terbuka bagi menerima apa-apa cadangan daripada pihak swasta (melalui Kerajaan Negeri Sabah) sekiranya terdapat pihak yang berminat untuk mencadangkan pembinaan laluan tersebut. Kerajaan Persekutuan juga bersedia untuk menilai dan mempertimbangkan sekiranya terdapat cadangan yang bersesuaian dari segi model pembiayaan (*Financial Model*) dan model perniagaan (*Business Model*) sama ada secara Inisiatif Kewangan Swasta (PFI) atau Kerjasama Awam-Swasta (PPP). Dengan cara ini Kerajaan percaya ianya akan mampu mengurangkan bebanan kewangan sedia ada kepada Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.